

28 SEP 1997

Mahathir - perniagaan

MAHATHIR KATA CUBA PUNYAI POTENSI BESAR

Oleh: Syed Jamil Jaafar

HAVANA, 28 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Sabtu Cuba mempunyai potensi besar untuk pertumbuhan dan Malaysia, yang sentiasa mahu mencari rakan kongsi baru, berminat untuk turut serta dalam evolusi ekonominya.

Beliau berkata Malaysia percaya dengan penglibatan membina yang bertujuan memakmorkan ekonominya dan juga rakan kongsinya.

Ketika berucap pada majlis makan tengahari perniagaan Malaysian-Cuba di sini, Dr Mahathir berkata Malaysia sedang mencari rakan-rakan baru di rantau Caribbean/Amerika Latin dan lawatannya ke sini menandakan hasrat bersungguh-sungguh untuk mewujudkan hubungan ekonomi dua hala dengan Cuba.

Negara pulau ini dengan jumlah penduduk 12 juta ialah satu-satunya negara dirantau ini yang mengamalkan sistem sosialis di bawah pimpinan ketua revolusi berkarisma Fidel Castro.

Sejak kejatuhan Kesatuan Soviet dan pemberhentian bantuan Soviet, ekonomi Cuba mula menurun tetapi meningkat semula dua tahun lepas berikutan reformasi dan liberalisasi sektor-sektor tertentu.

Jumaat, hari pertama lawatan tiga hari Dr Mahathir ke sini, menyaksikan tiga perjanjian ditandatangani -- mengenai penghapusan visa, promosi perdagangan dan perlindungan pelaburan -- bagi memberi laluan kepada hubungan ekonomi yang lebih luas antara Malaysia dan Cuba.

Setakat ini tidak ada syarikat Malaysia yang melabur dalam apa-apa perniagaan di Cuba dan jumlah perdagangan antara kedua-dua negara kurang dari AS\$1 juta dengan Malaysia membeli kebanyakannya alkohol industri dari Cuba.

Dr Mahathir berkata jelas terdapat skop untuk perdagangan, pelaburan dan kerjasama khususnya dalam bidang-bidang seperti perubatan, penyelidikan bioteknologi dan farmasi yang maju di Cuba.

Sebuah syarikat Malaysia, Raza Manufacturing Berhad, dan Heber Biotec S.A., syarikat pemasaran Pusat Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi Cuba, telah mengadakan perjanjian untuk memasarkan produk farmasi dan diagnostik Cuba ke Malaysia.

Perdana Menteri juga memilih pelancongan, iaitu industri yang paling cepat membangun di Cuba, dan industri-industri berasas bertanian dan makanan sebagai bidang-bidang yang menawarkan peluang baik untuk usahasama.

Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS), contohnya, menandatangani perjanjian dengan kementerian perdagangan luar dan kementerian pertanian Cuba untuk mengeluarkan, memperolehi dan mengedar beras di Cuba dan rantau itu.

Bidang-bidang lain yang boleh diterokai kemungkinan mengadakan usahasama oleh pengusaha Malaysian ialah tekstil, garmen, pembuatan kasut, perlombongan, minyak dan gas, penjana tenaga, pembinaan dan pembangunan hartanah dan pengeluaran bahan binaan, kimia industri, plastik, detergen dan baja.

Dr Mahathir berkata strategi globalisasi Malaysia menggalakkan industri-industrinya berubah lokasi di negara-negara di Selatan yang difikirkan menguntungkan dan wajar.

Syarikat-syarikat Malaysia sekarang sedang berpindah ke lokasi-lokasi baru dalam mencari sumber-sumber dan faktor-faktor pengeluaran yang banyak dan lebih kompetitif harganya.

"Kita di Malaysia tertarik dengan reformasi ekonomi dan fiskal yang dijalankan oleh kerajaan Cuba," katanya.

"Pendekatan-pendekatan pragmatik Program Pemulihan Ekonomi dan skim insentif untuk pelaburan asing dan usahasama yang diadakan sekarang telah meletakkan asas kepada pertumbuhan ekonomi."

Keluaran dalam negara kasar (KDNK) Cuba meningkat sebanyak 7.8 peratus tahun lepas -- yang tertinggi di Amerika Latin. Perdagangan luarnya berkembang sebanyak 33 peratus.

Dr Mahathir yang tiba di sini Khamis untuk lawatan selama tiga hari nampaknya begitu mesra dengan Presiden Fidel Castro, pemimpin revolusi Cuba yang karismatik sejak 1959.

Mereka berdua mengadakan perbincangan empat mata pada pagi Jumaat dan sekali lagi sewaktu makan malam di sebelah petangnya.

Jelas mereka mempunyai banyak lagi untuk dibincangkan, kerana kedua-dua pemimpin itu dijangka bertemu lagi petang ini untuk satu perbincangan tidak rasmi yang tidak dijadualkan.

Ditanya pada satu sidang berita mengenai tanggapannya mengenai Castro, Dr Mahathir berkata: "Saya fikir dia seorang yang ikhlas."

"Beliau mungkin berpegang teguh kepada ideologinya tetapi pada pendapat saya ramai orang yang dicap sebagai komunis sebenarnya adalah nasionalis. Kelainannya ialah pendekatan mereka menyelesaikan masalah yang berbeza dengan cara kita. Tetapi mereka sungguh nasionalistik, mahukan negara mereka bebas.....ini tidak salah.

"Mereka bukannya hendak berperang dengan kita ...mereka juga tidak pernah menyoal sama ada kita kapitalis atau apa-apa."

Dr Mahathir berkata perlu juga dipertimbangkan bahawa Cuba telah menghadapi banyak tekanan tetapi negara itu telah mula membuka. -- BERNAMA

SJ WAT